

TIP-TIP UMUM

- Ikut peraturan dan tip-tip keselamatan yang dicadangkan sewaktu memandu Alat Mobiliti Peribadi (PMA) anda.
- Jika anda mengesan perubahan pada kesihatan anda (contohnya penglihatan yang semakin teruk, kelemahan anggota badan), anda sepatutnya berjumpa doktor untuk mendapat nasihat tentang kesesuaian memandu PMA anda.
- Penjagaan PMA yang konsisten dapat mengelakkan kegagalan mekanik atau elektrik, dan melanjutkan hayat bahagian-bahagiannya.

Level B1
TTSH Medical Centre

- Clinic B1C
- Musculoskeletal Centre

Contact:
68894848 (Enquires)
Email:
Occupational_therapy@ttsh.com.sg



© Hospital Tan Tock Seng, Singapura 2018. Hak cipta terpelihara. Semua maklumat adalah tepat sehingga Jun 2018. Tidak ada sebarang bahagian daripada dokumen ini yang boleh diterbitkan semula, disalin, disusun semula, diadaptasikan, diedarkan, dieksploitasi secara komersil, dipamerkan atau disimpan di dalam pangkalan data, sistem capaian atau disalurkan dalam sebarang bentuk tanpa mendapat kebenaran Hospital Tan Tock Seng terlebih dahulu. Semua maklumat dan bahan yang ada dalam dokumen ini adalah untuk tujuan maklumat sahaja dan bukan bertujuan untuk menggantikan sebarang nasihat yang diberikan oleh doktor anda atau karyawan perubatan yang lain.

PECC-OCT-ED-2018-220M-v1



Jabatan
TERAPI CARAKERJA

Penggunaan Alat Mobiliti Peribadi Anda



Alat Mobiliti Peribadi

Alat mobiliti peribadi (PMA) seperti kerusi roda bermotor dan skuter mobiliti boleh memperbaiki mobiliti peribadi untuk yang kurang upaya.



Jika anda mempunyai PMA, pastikan penggunaan selamat untuk mengurangkan risiko kemalangan. Penjagaan PMA yang konsisten dapat mengelakkan kegagalan mekanik atau elektrik, dan melanjutkan hayat bahagian-bahagiannya.

Peraturan dan Tip-Tip Keselamatan

- Rancanglah perjalanan sebelum keluar. Elak daripada menggunakan laluan yang kurang rata dan terdapatnya bendul.
- PMA hanya dibenarkan di laluan pejalan kaki dan laluan berbasikal dengan had kelajuan yang ditetapkan.

Lokasi	Dibenarkan?	Had kelajuan
 Laluan pejalan kaki	✓	15km/h
 Laluan berbasikal	✓	25km/h
 Jalan raya/Lebuhraya	✗	-

(Panel Penasihat Pergerakan Aktif, 2017)

- Tidak dinasihatkan memandu PMA anda jika telah memakan ubat yang ada kesan mengantuk.
- Perlahankan kelajuan PMA anda di laluan yang sesak atau selekoh tajam, untuk elak daripada berlakunya kemalangan.

- Lihat di belakang bahu dan periksa titik buta sewaktu membelok atau mengundurkan PMA anda.
- Untuk mengekalkan penglihatan pada waktu malam, gunakan pakaian berwarna terang. Pasangkan lampu putih di bahagian depan dan lampu merah di bahagian belakang PMA anda.
- Matikan enjin apabila PMA anda tidak digunakan, sebelum turun dan sebelum menunggangnya.
- Jika anda mengesan perubahan pada kesihatan anda (contohnya penglihatan yang semakin teruk, kelemahan anggota badan), anda sepatutnya berjumpa doktor untuk mendapat nasihat tentang kesesuaian memandu PMA anda.

Penjagaan

Dinasihati agar menghantar PMA anda untuk penjagaan tahunan. Tentukan bersama pembekal:



- Perjanjian perkhidmatan
- Tempoh waranti dan bahagian alat dilindungi waranti
- Jika adanya bahagian alat yang memerlukan penjagaan konsisten, dan kos

Pastikan komponen elektrik PMA anda sentiasa kering

- Pastikan komponen elektrik PMA anda (contohnya unit kawalan, bateri) sentiasa kering semasa membersihkan.
- Elakkan daripada memandu pada waktu hujan. Keringkan setiap komponen elektrik dengan segera, jika tersentuh air.
- Jika anda mengalami masalah elektrik, hubungilah pembekal untuk mendapatkan khidmat pembaikan dengan segera.

Penjagaan rutin bagi bateri sel kering

- Kebanyakan PMA menggunakan bateri sel kering.
- Elakkan daripada kurang mengecas di luar penunjuk bateri berwarna merah.



- Bateri tidak sepatutnya dicas semalaman.
- Lampu LED di unit pengecas akan berubah menjadi warna hijau apabila bateri suda dicas secukupnya.



- Jika anda tidak pasti tentang penjagaan PMA anda, hubungilah pembekal anda.

Talian untuk dihubungi:

